

Universiti  
Teknologi MARA  
Cawangan Pulau Pinang



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni  
UiTM Cawangan Pulau Pinang  
13500 Permatang Pauh  
Pulau Pinang

# Jaringan Industri Masyarakat & Alumni

eISSN 3009-1616



Hak Cipta @ 2024 Bahagian PJIM&A UiTM Cawangan Pulau Pinang

Hak cipta terpelihara. Buku ini atau mana-mana bahagian daripadanya tidak boleh diterbitkan semula atau digunakan dalam apa cara sekalipun tanpa kebenaran bertulis nyata daripada penerbit kecuali untuk penggunaan petikan ringkas dalam ulasan buku.

eISSN : 3009-1616

Konsep Reka Bentuk & Idea : Pn. Siti Rahimah Rosseli

Dicetak oleh Pusat Percetakan UiTM  
Cetakan Kedua September 2024

Diterbitkan oleh:  
Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni  
UITM Cawangan Pulau Pinang  
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, MALAYSIA

E-mel : pjimapenang@uitm.edu.my

No. telefon : +604-3822840

APA HABAQ HANGPA?  
Buletin USR 2023 diterbitkan secara tahunan



Kebahagiaan adalah  
kesetiaan.

Setia atas indahnya  
merasa cukup,

Setia atas indahnya  
ketulusan berbuat  
baik,

Setia atas indahnya  
berbagi rezeki.



# DARI PENA KETUA EDITOR



**Assalammualaikum, Salam Malaysia Madani dan  
Salam UiTM Dihatiku,**

Alhamdulillah, dengan rasa penuh syukur, saya mengalu-alukan kehadiran anda semua dalam edisi terbaru buletin yang memfokuskan kepada kerja-kerja kemasyarakatan ini. Buletin Apa Habaq Hangpa ini merupakan edisi ke-2 dan memfokuskan kepada kerja-kerja kemasyarakatan yang telah dilaksanakan oleh warga Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP). Dalam dunia yang sentiasa berkembang ini, adalah penting bagi kita untuk terus mengingati tanggungjawab sosial kita sebagai individu yang hidup dalam sebuah komuniti yang berbilang bangsa dan budaya. Sebagaimana yang pernah dikatakan oleh Mahatma Gandhi, “The best way to find yourself is to lose yourself in the service of others.” Kata-kata ini mengingatkan kita bahawa dalam memberi, kita sebenarnya menemui makna hidup yang lebih mendalam. Kerja-kerja kemasyarakatan bukan sekadar membantu mereka yang memerlukan, tetapi juga satu proses untuk memperkayakan jiwa kita dengan nilai-nilai murni seperti kasih sayang, empati, dan rasa tanggungjawab.

Buletin ini memaparkan pelbagai usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh individu dan organisasi untuk membantu masyarakat kita.

Setiap kisah yang dikongsikan adalah bukti komitmen dan dedikasi mereka dalam mencipta

impak positif, tidak kira sekecil mana sekalipun usaha itu. Harapan kami adalah agar pembaca dapat menjadikan kisah-kisah ini sebagai inspirasi untuk turut serta menyumbang kepada masyarakat dengan apa juar cara yang mampu.

Saya yakin bahawa dengan sokongan dan penyertaan semua, kita dapat membina sebuah masyarakat yang lebih inklusif, penuh dengan rasa kebersamaan dan saling menghormati. Sebagaimana yang pernah diungkapkan oleh Martin Luther King Jr., “Life’s most persistent and urgent question is, ‘What are you doing for others?’” Marilah kita sama-sama menjawab soalan ini dengan tindakan nyata yang membawa manfaat kepada semua.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah berusaha menjayakan penerbitan majalah ini. Semoga kita terus diberi kekuatan untuk berbakti kepada masyarakat dan seterusnya membentuk dunia yang lebih baik untuk generasi akan datang. Terima kasih, dan selamat membaca.

**Ts. Dr. Mohd Ikmal Fazlan Rozli @ Rosli  
Ketua Editor  
Buletin Apa Habaq Hangpa? Isu 2  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau  
Pinang**



**Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni  
UiTM Cawangan Pulau Pinang  
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, MALAYSIA**